



Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd 201001019176 (902884-V)
(formerly known as Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



UNTUK EDARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

MRT CORP UMUM SESI PEMERIKSAAN AWAM BAGI LANJUTAN JAJARAN LRT LALUAN MUTIARA MENGHUBUNGKAN PULAU DAN SEBERANG PERAI

Pulau Pinang, 21 Februari 2026 — Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) akan melaksanakan sesi Pemeriksaan Awam bagi mendapatkan maklum balas orang awam terhadap Pindaan Skim Kereta Api Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang Laluan Mutiara. Tumpuan utamanya berhubung lanjutan jajaran yang menghubungkan bahagian pulau dan Seberang Perai dalam usaha berterusan untuk mempertingkatkan kesalinghubungan di negeri Pulau Pinang.

Sesi Pemeriksaan Awam ini akan berlangsung selama tiga bulan bermula dari 24 Februari 2026 hingga 24 Mei 2026, memberi peluang kepada orang awam untuk meneliti dan memberikan maklum balas terhadap lanjutan jajaran, lokasi stesen, serta butiran projek yang berkaitan.

Pindaan Skim Kereta Api ini merangkumi beberapa penambahbaikan terhadap skop projek, terutamanya lanjutan jajaran rel merentasi laut yang menghubungkan bahagian pulau dan tanah besar Seberang Perai. Jajaran rentas laut kira-kira enam kilometer ini akan menghubungkan KOMTAR dan Penang Sentral, dengan anggaran masa perjalanan sekitar lapan minit.

Penang Sentral akan dibangunkan sebagai stesen utama di Seberang Perai serta hab pengangkutan multimodal yang mengintegrasikan perkhidmatan feri, rel KTMB dan bas sedia ada. Dengan pelaksanaan LRT Laluan Mutiara, ianya akan memperkukuh akses mobiliti bagi komuniti di Seberang Perai. Skim yang dipinda ini turut memperuntukkan kira-kira 1,000 petak parkir tambahan di Penang Sentral. Menerusi hab ini, penumpang akan menikmati kesalinghubungan terus ke destinasi utama seperti KOMTAR, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Susulan penstrukturan semula pembangunan Penang South Reclamation (PSR) daripada tiga pulau kepada satu pulau, skim yang dipinda ini turut melibatkan penyelarasan semula terhadap jajaran asal. Jajaran di PSR sepanjang 3.15 kilometer serta tiga stesen (A2, A3 dan A4) telah digugurkan. Bagaimanapun, MRT Corp masih mengekalkan jajaran sepanjang 1.5 kilometer di pulau PSR, manakala Stesen A1 (PSR-A) telah diklasifikasikan semula sebagai stesen provisional bagi menyokong pembangunan masa hadapan apabila pertumbuhan penduduk meningkat.

Selain itu, pindaan skim turut melibatkan penambahan stesen di Penang Sentral dan Bagan Luar (provisional), serta pembinaan sebuah depoh sekunder untuk simpanan kereta api di Tapak Pesta Sungai Dua.

Secara keseluruhan, LRT Laluan Mutiara akan merangkumi jajaran kira-kira 29.67 kilometer dengan 20 stesen serta dua stesen provisional (PSR-A dan Bagan Luar.) Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2025, dengan perkhidmatan rel dijangka mula beroperasi pada Disember 2031.

Selaras dengan Seksyen 85 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Pemeriksaan Awam bagi Pindaan Skim Kereta Api ini akan dijalankan dari 24 Februari 2026 hingga 24 Mei 2026.

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Pemeriksaan Awam, MRT Corp akan membuka reruai di beberapa lokasi utama sekitar Pulau Pinang termasuk KOMTAR, Penang Sentral dan Stesen KTM Butterworth. Jadual penuh serta senarai lokasi boleh dirujuk di www.mymrt.com.my.

Orang ramai yang tidak dapat hadir ke reruai boleh mengakses maklumat serta bahan projek dan mengemukakan maklum balas secara dalam talian melalui laman sesawang tersebut sepanjang tempoh tiga bulan berkenaan. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, orang awam boleh menghubungi Talian Khidmat Pelanggan di 1-800-88-6782.

— TAMAT —